



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN LESEN PELANCONGAN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB) BERSKALA KECIL

#### 1. TERMA DAN SYARAT LESEN

- (a) **Syarikat Sendirian Berhad** dengan modal berbayar minima **RM 10,000.00**;
- (b) Permohonan lesen yang dibenarkan adalah bagi bidang seperti berikut:
  - i. **Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*) sahaja**; atau
  - ii. **Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*) sahaja dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (*Ticketing*) sahaja.**
- (c) **Pejabat operasi dan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan** hendaklah berada **dalam kawasan setempat yang berada dibawah pentadbiran PBT** masing – masing seperti mana **diwartakan** sahaja.
- (d) Syarikat **tidak dibenarkan membuka cawangan** di mana-mana tempat lain.
- (e) **Pemegang saham dan pengarah syarikat** adalah terdiri daripada **warganegara Malaysia** sahaja. Hanya **individu sahaja** dibenarkan untuk **menjadi pemegang saham** syarikat.
- (f) Pemegang saham **tidak mempunyai kepentingan** di dalam **syarikat pelancongan yang lain**;
- (g) **Tidak dibenarkan** membuat **sebarang perubahan kepada ahli lembaga pengarah dan pemegang saham** dalam **tempoh dua tahun** (bagi permohonan pertama kali);
- (h) Mempunyai **lesen perniagaan PBT**;

- (i) **Tempoh sah lesen** bagi permohonan pertama kali adalah selama **dua tahun**;
- (j) Syarikat **wajib memohon pembaharuan lesen TOBTAB mulai tahun ketiga** seperti mana Garis Panduan Pembaharuan Lesen Pelancongan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) Berskala Kecil;
- (k) Salah seorang ahli Lembaga pengarah / pemegang saham **wajib menghadiri kursus *Travel and Tour Management Course (TTMC)*** sebelum lesen ini dikeluarkan;
- (l) Syarikat **perlu memasukkan perkara-perkara berikut** di dalam mana-mana iklan pakej pelancongan yang ditawarkan:
  - i. Nombor Lesen;
  - ii. Nama dan alamat perniagaan; dan
  - iii. Butiran-butiran lain yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan seperti pendaftaran syarikat SSM, nombor telefon, emel, logo syarikat dan sebagainya.

## 2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (a) **Syarikat Sendirian Berhad** yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.
- (b) **Mematuhi syarat modal berbayar dan had ekuiti yang ditetapkan** (Jumlah minimum modal berbayar diterbitkan adalah **RM10,000.00** dan **pemegang saham** adalah terdiri daripada **warganegara Malaysia sahaja**.)
- (c) **Pemegang saham tidak mempunyai kepentingan** (ekuiti saham) dalam mana-mana syarikat pengusahaan pelancongan yang berlesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].
- (d) **Akaun bank syarikat hanya ditandatangani** oleh pemegang saham dan pengarah syarikat sahaja atau mana-mana individu yang dilantik oleh syarikat secara rasmi.
- (e) **Nama syarikat hendaklah melambangkan syarikat yang menjalankan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan** (*travel, tours, holiday, vacation, adventure* dan sebagainya).

- (f) **Nature of Business** di dalam e-info SSM hendaklah menyatakan perniagaan yang dijalankan adalah Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan/atau Perniagaan Agensi Pengembaraan (*To carry business in Tour Operating Business and/or Travel Agency Business*).
- (g) **Bebas daripada sebarang pendakwaan atau prosiding mahkamah** atas apa-apa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) atau apa-apa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta atau Peraturan-Peraturan yang berhubungkait dengan perkhidmatan pelancongan.
- (h) **Bebas daripada sebarang kompaun tertunggak** atas apa-apa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- (i) **Bebas daripada sebarang tuntutan** yang sedang berjalan di **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** berhubungkait dengan pekhidmatan pelancongan.
- (j) **Bebas daripada sebarang tunggakan pembayaran atau pematuhan award yang telah diperintahkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** berhubungkait perkhidmatan pelancongan.
- (k) **Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham syarikat bukanlah** daripada kakitangan MOTAC dan Pejabat MOTAC Negeri.

### 3. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- (a) **E-Info SSM yang terkini** (tarikh cetakan dokumen sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh permohonan).
- (b) Salinan **MyKad berwarna** bagi **Pemegang Saham dan Ahli Lembaga Pengarah**.
- (c) **Surat Aku Janji** daripada Pengarah Syarikat. Borang BA/2 (Lampiran A).
- (d) **Surat pengesahan pendaftaran PERKESO bagi syarikat** sepertimana ketetapan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi keperluan berkanun dan mencarum dengan PERKESO.

- (e) Maklumat perbankan:
- i. **Muka hadapan penyata akaun** semua **bank atas nama syarikat** yang memohon.
  - ii. **Director Resolution** bagi semua akaun yang dibuka atas nama syarikat yang memohon.

#### 4. TATACARA PERMOHONAN

- (a) **Melengkapkan maklumat permohonan secara manual** menggunakan borang yang akan **dimuat naik** di dalam **laman sesawang rasmi MOTAC** [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)
- (b) Borang permohonan dan semua dokumen hendaklah **dikemukakan** dengan lengkap secara manual ke alamat **pejabat MOTAC Negeri** terdekat (**Lampiran B**).

#### 5. FI PEMROSESAN

Pembayaran secara manual **RM100.00** dalam bentuk **Wang Pos/ Deraf Bank/ Kiriman Wang** sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

#### 6. KEPUTUSAN PERMOHONAN

- (a) Surat keputusan permohonan akan dihantar secara e-mel dan pos kepada setiausaha syarikat dan salinan kepada Pejabat MOTAC Negeri.
- (b) **Bagi permohonan yang DILULUSKAN:** Pemohon hendaklah memenuhi syarat pra-lesen sebelum membuat pembayaran fi lesen untuk cetakan dan serahan Pejabat MOTAC Negeri seperti di bawah:
  - i. Mendapat **kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**;
  - ii. Mengemukakan Sesalinan **Resit** atau **Sijil Travel and Tour Management Course (TTMC)** yang masih sah laku sekurang – kurangnya setahun daripada tarikh menghadiri kursus.

Syarikat perlu mematuhi semua pra-syarat dan membuat pembayaran fi lesen dan cetakan lesen **dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat pemakluman kelulusan**. Sekiranya syarikat gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan baharu hendaklah dibuat.

- (c) **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:** Syarikat berhak mengemukakan **rayuan secara bertulis kepada Menteri melalui Pejabat MOTAC Negeri dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana **keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif**.

## 7. PIAGAM PELANGGAN

Cetakan dan serahan lesen daripada Pejabat MOTAC Negeri kepada syarikat akan dibuat setelah pembayaran fi lesen diterima.

## 8. PERINGATAN

Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen jika dia berpuashati bahawa pengusaha pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak perusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana – mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus perusahaan berlesen itu. (Seksyen 8(1)(c), *Akta 482*].

## 9. FI LESEN

BIL	BIDANG	TEMPOH LESEN	FI LESEN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	2 tahun	RM375.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	2 tahun	RM675.00

\* Rujuk Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992.

## **10. EXIT POLICY**

Mana-mana syarikat yang memiliki Lesen Pelancongan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) Berskala Kecil yang bercadang untuk memperluaskan perniagaan pelancongan melalui penambahan bidang lesen dan menjalankan, mengendalikan atau menganjurkan aktiviti/pakej pelancongan di luar kawasan yang diwartakan PBT, hendaklah:

- (a) mengembalikan lesen pelancongan yang asal; dan
- (b) memohon lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) berdasarkan Garis Panduan Permohonan Lesen TOBTAB sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

## **11. TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa **mulai 15 Mei 2023**.

**SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT**

Saya .....  
No. Kad Pengenalan ..... Jawatan .....  
bagi pihak syarikat .....  
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebayar TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) bebas daripada sebarang pendakwaan atau prosiding mahkamah atas apa-apa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan) atau apa-apa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan atau lain-lain Akta atau Peraturan-Peraturan yang berhubungkait dengan perkhidmatan pelancongan.
- (d) bebas daripada sebarang kompaun tertunggak atas-atas apa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (e) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (f) bebas daripada sebarang tuntutan yang sedang berjalan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubungkait dengan pekhidmatan pelancongan.
- (g) bebas daripada sebarang tunggakan pembayaran atau pematuhan award yang telah diperintahkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubungkait perkhidmatan pelancongan.
- (h) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan.
- (i) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- (j) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

*Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:*

\_\_\_\_\_  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Syarikat :

Tarikh :

*Saksi*  
*Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:*

\_\_\_\_\_  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Syarikat :

Tarikh :



**MAKLUMAT PEJABAT KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN  
BUDAYA**

**IBU PEJABAT**

Kementerian Pelancongan,  
Seni dan Budaya  
Bahagian Pelesenan dan  
Penguatkuasaan Pelancongan  
Aras 1,  
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6  
Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
Tel: 03 8000 8000 / 03 8891  
7211/ 03 8891 7251 / 03 8891  
7218  
Fax: 03 8891 7201, 7202

**MELAKA**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Melaka  
Aras 1  
Kompleks Kementerian  
Pelancongan  
Lebuh Ayer Keroh  
75450 Melaka  
Tel: 06 231 8200  
Fax: 06 231 1400

**SARAWAK**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Sarawak  
Tingkat 3, Bangunan Sultan  
Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 Kuching  
Sarawak  
Tel: 082 235 033  
Fax: 082 234 010

**PERLIS**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri Perlis  
No. 51 & 53, Persiaran Putra  
Timur  
02000, Kuala Perlis  
Perlis  
Tel: 04 985 3701 / 04 985  
2542  
Fax: 04 985 2373

**NEGERI SEMBILAN**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Sembilan  
No.19, Jalan Durian Emas 3  
Betaria Business Complex  
Jalan Dato' Siamang Gagap  
70400 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06 765 9870 / 9871 / 9869  
/ 9818  
Fax: 06 762 8540

**SABAH**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Sabah  
Lot 2-5-8, 9, 10,11 & 24  
Tingkat 4, Wisma San Hin  
Wawasan Plaza  
Lorong Wawasan Plaza  
88000 Kota Kinabalu  
Sabah  
Tel: 088 269 711 / 712 / 709 /  
710  
Fax: 088 269 713

**KEDAH**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Kedah  
Kompleks Pelancongan Negeri  
Kedah  
Seksyen 20, Jalan Raja  
05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04 732 8296 / 04 730  
8794  
Fax: 04 732 7914 / 04 732  
7914

**JOHOR**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri Johor  
Aras 2 Kiri, Wisma PERKESO  
Jalan Susur 5 Off Jalan Tun  
Abdul Razak  
Larkin  
80200 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
Tel: 07 2233 171  
Fax: 07 221 2704

**KUALA LUMPUR/  
PUTRAJAYA**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia WP Kuala  
Lumpur/Putrajaya  
Aras 1, Bangunan Baru  
Pusat Pelancongan Malaysia  
(MaTiC)  
109, Jalan Ampang  
50450 KUALA LUMPUR  
Tel: 03 2161 5161 / 03 2162  
1363  
Fax: 03 2171 1045

**PULAU PINANG**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri Pulau  
Pinang  
No.11 Lebu Pantai, Lot 710  
10300 George Town  
Pulau Pinang  
Tel: 04 262 0202  
Fax: 04 263 1020

**KELANTAN**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Kelantan  
Kampung Kraf tangan  
Jalan Hilir Balai  
15300 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim  
Tel: 09 741 2400  
Fax: 09 744 6672

**LABUAN**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia WP Labuan  
Kompleks Sukan Laut  
Antarabangsa WP Labuan  
Peti Surat 80753  
87008 Wilayah Persekutuan  
Labuan  
Tel: 087 422 622  
Fax: 087 419 622

**PERAK**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri Perak  
No. 7 & 9, Jalan Medan Istana  
3  
Bandar Ipoh Raya  
30000 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05 255 0413 / 05 255  
0414  
Fax: 05 253 6027

**TERENGGANU**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Terengganu  
Lot 5116 dan 5117  
(hadapan Istana Maziah),  
Jalan Masjid Abidin,  
20100 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman  
Tel: 09 626 2946 / 09 626  
4946  
Fax: 09 626 1946

**PAHANG**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Pahang  
B 8006, Tingkat 1 - 3  
Seri Kuantan Square, Jalan  
Teluk Sisek  
25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09 517 1111 / 09 517 1112  
/ 09 517 1113 (Unit  
Pelesenan)  
Fax: 09 514 6900

**SELANGOR**

Pejabat Kementerian  
Pelancongan, Seni dan  
Budaya Malaysia Negeri  
Selangor  
Tingkat 15-03, Wisma  
Sunwaymas  
Jalan Tengku Ampuan  
Zabedah C9/C  
Seksyen 9  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 5511 1122 / 03 5513  
1382 / 03 5513 3805 / 03 5510  
7704  
Fax: 03 5513 1199

**PERCUMA**

**(LBK)**



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan,  
Aras 1, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya

**BORANG PERMOHONAN LESEN PELANCONGAN PERNIAGAAN PENGENDALIAN  
PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)  
BERSKALA KECIL**

Sila sertakan fee pemerosesan sebanyak RM100.00  
dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang  
pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan

**A. BIDANG YANG DIPOHON:**

**Inbound**

**Inbound & Ticketing**

**B. BUTIR-BUTIR SYARIKAT**

1. Nama Penuh Syarikat: .....
2. No. SSM: .....
3. Alamat Berdaftar Syarikat: .....  
..... Poskod: .....  
Telefon: .....
4. Alamat Pejabat Utama: .....  
.....  
..... Poskod: .....  
Emel: ..... Telefon: .....
5. Nama Pegawai yang boleh dihubungi: .....  
Telefon: .....

Tandatangan Pengarah Syarikat:

Tandatangan Setiausaha Syarikat:

.....

.....

(Cop Syarikat)

Nama: .....

Nama: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....